

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 14 TAHUN 2005

CUTI TANPA GAJI BAGI PEGAWAI YANG MENGIKUTI PASANGAN MEREKA BERTUGAS ATAU BERKURSUS DI DALAM ATAU DI LUAR NEGERI

TUJUAN

1. Tujuan Pekeliling Perkhidmatan ini ialah untuk memaklumkan penambahbaikan kemudahan cuti tanpa gaji kepada pegawai yang mengikuti pasangan mereka yang berkhidmat atau berkursus, sama ada di dalam ataupun di luar negeri.

DEFINISI

2. Dalam Pekeliling Perkhidmatan ini:
- (i) “Berkhidmat” bermaksud bertukar atau menyandang sesuatu jawatan bagi tempoh melebihi enam (6) bulan;

- (ii) “Berkursus” bermaksud menjalani kursus atau latihan yang diluluskan oleh Ketua Jabatan kepada pasangan pegawai yang tempohnya melebihi enam (6) bulan;
- (iii) “Kerajaan” bermaksud Kementerian/Jabatan (Persekutuan dan Negeri), Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan;
- (iv) “Ketua Jabatan” termasuklah Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Perkhidmatan, Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Berkanun, Ketua Pihak Berkuasa Tempatan, Ketua Eksekutif Perbadanan Awam atau Ketua Eksekutif Syarikat Swasta tempat pegawai atau pasangan pegawai berkhidmat;
- (v) “Pasangan” bermaksud, bagi pegawai lelaki, isteri atau bagi pegawai perempuan, suami yang sah mengikut undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia;
- (vi) “Perbadanan Awam” bermaksud perbadanan atau syarikat yang Kerajaan mempunyai kepentingan secara langsung atau Kerajaan memiliki sekurang-kurangnya 51% daripada ekuitinya;
- (vii) “Syarikat Swasta” bermaksud syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh pihak swasta atau syarikat yang Kerajaan tidak mempunyai kepentingan secara langsung atau hak milik ekuitinya kurang dari 51% dan didaftarkan di Malaysia.

LATAR BELAKANG

3. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1992 (PP 1/1992) menjelaskan keputusan Kerajaan memberi kemudahan cuti tanpa gaji kepada pegawai mengikuti pasangan berkhidmat atau berkursus sama ada di dalam atau di luar negeri. Pemberian kemudahan ini bagi membolehkan pasangan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada tugas atau pengajian selaras dengan dasar masyarakat penyayang.

4. Perubahan semasa memberikan kesan langsung kepada pegawai yang diberi kemudahan cuti tanpa gaji dan memerlukan peruntukan dalam PP 1/1992 dipinda. Ini termasuklah perubahan berikutan pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia dan pemantapan pengurusan sumber manusia di peringkat Kementerian.

KELAYAKAN PEMOHON

5. Semua pegawai tetap dalam perkhidmatan Kerajaan yang ingin mengikuti pasangan mereka berkhidmat atau berkursus di dalam atau di luar negeri boleh dipertimbangkan cuti tanpa gaji dengan syarat pasangan mereka:

- (i) telah dilantik berkhidmat oleh pihak berkuasa melantik atau diluluskan bertukar/berkursus oleh Ketua Jabatannya;
- (ii) terdiri daripada pegawai Kerajaan, perbadanan awam atau syarikat swasta. Jika pasangan mereka bukan pegawai mana-mana agensi yang tersebut itu, ia (pasangan pegawai) hendaklah telah dianugerahkan bantuan kewangan oleh Kerajaan untuk berkursus di dalam atau di luar negeri; dan

- (iii) memerlukan 'kepentingan berada bersama pasangan' dalam menjalankan tugas terutama yang melibatkan perkara-perkara mengenai perkhidmatan dan kepentingan jawatan tertentu. Contohnya Ketua Jabatan di peringkat negeri yang mengkehendaki pasangan sentiasa mengiringi pegawai dalam urusan-urusan rasminya.

TEMPOH

6. Tempoh maksimum cuti tanpa gaji yang boleh diluluskan terhadap kepada tiga (3) tahun sahaja atau selama tempoh berkhidmat/kursus pasangan pegawai, mengikut mana yang lebih pendek. Ia boleh diambil secara terus-menerus selama tiga (3) tahun atau secara berperingkat-peringkat (intermittent) sehingga mencapai had maksimum tiga (3) tahun. Cuti tanpa gaji yang berikutnya hanya boleh dipohon selepas kembali berkhidmat selama tiga (3) tahun dari tarikh cuti tanpa gaji sebelumnya tamat.

7. Pegawai dikehendaki melaporkan diri bertugas di jabatan/agensi masing-masing sebaik sahaja cuti tanpa gaji yang diluluskan itu tamat.

FAEDAH PENCEN

8. Tempoh cuti tanpa gaji yang diluluskan mengikut peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini tidak akan diambil kira untuk faedah pencen. Tempoh perkhidmatan sebelum dan selepas cuti berkenaan adalah dianggap bersambung dan bolehlah diagregatkan untuk tujuan pencen.

KEKANANAN DAN KENAIKAN PANGKAT

9. Pegawai akan hilang kekananan selama tempoh ia bercuti tanpa gaji di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini. Pegawai layak dipertimbangkan kenaikan pangkat jika ia telah memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan jawatannya sebelum cuti tanpa gajinya bermula.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

10. Pegawai yang telah diluluskan cuti tanpa gaji di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini layak mendapat pergerakan gaji secara isyarat tidak lebih daripada tiga (3) kali dalam tempoh perkhidmatan. Tarikh pergerakan gaji tahunan pegawai tidak berubah.

PEGAWAI DALAM PERCUBAAN

11. Pegawai yang belum disahkan dalam perkhidmatan semasa cuti tanpa gajinya berkuatkuasa, tempoh percubaannya akan dibekukan. Baki tempoh percubaan itu akan disambungkan apabila kembali bertugas.

IKATAN PERJANJIAN

12. Jika pegawai masih ada ikatan untuk berkhidmat dengan Kerajaan, ikatan itu akan digantung selama tempoh cuti tanpa gajinya berkuatkuasa. Pegawai dikehendaki menyempurnakan ikatan itu setelah kembali dari bercuti.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN SEMASA BERCUTI

13. Pegawai boleh dibenarkan menduduki Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dan atas perbelanjaan sendiri.

PIHAK BERKUASA MELULUS

14. Permohonan cuti tanpa gaji kali pertama dan cuti tanpa gaji selepas tempoh tiga (3) tahun berikutnya mengikut peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini boleh dipertimbang dan diluluskan oleh Ketua Jabatan pegawai.

15. Ketua Jabatan juga boleh menimbangkan permohonan daripada pasangan pegawai Kerajaan yang dikehendaki berkhidmat atau berkursus di luar negeri melebihi tempoh maksimum yang ditetapkan.

16. Permohonan cuti tanpa gaji sebelum genap berkhidmat tiga (3) tahun selepas cuti tanpa gaji terdahulu hendaklah dipertimbang oleh Ketua Setiausaha Kementerian. Jika cuti tanpa gaji sebelumnya diluluskan oleh Ketua Setiausaha Kementerian, permohonan tersebut hendaklah dikemukakan ke Jabatan Perkhidmatan Awam.

17. Pegawai hanya boleh dibenarkan bercuti tanpa gaji mengikut peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini setelah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa melulus. Pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib jika didapati gagal mematuhi.

18. Semasa menimbangkan permohonan cuti tanpa gaji, Ketua Jabatan perlu memberi keutamaan kepada kepentingan perkhidmatan organisasi masing-masing. Jika Ketua Jabatan bercadang meluluskan permohonan cuti pegawai, perancangan dan langkah yang sesuai perlu diambil supaya tugas jawatan pegawai tidak terjejas.

KEKECUALIAN

19. Penjelasan mengenai Pekeliling Perkhidmatan ini dan pengecualian daripada mana-mana peruntukan di bawahnya hendaklah diperolehi daripada Jabatan Perkhidmatan Awam.


TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

20. Pekeliling Perkhidmatan ini dikuatkuasakan mulai tarikh ianya dikeluarkan dan pemakaiannya dipanjangkan juga kepada semua Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PEMBATALAN

21. PP 1/1992 dibatalkan mulai tarikh kuatkuasa Pekeliling Perkhidmatan ini. Semua permohonan yang telah diluluskan sebelum tarikh dikuatkuasakan akan terus tertakluk kepada syarat dan peraturan yang terdapat dalam PP 1/1992.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA,
PUTRAJAYA.

Tarikh: 10 JUN 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan